

'Saya tidak akan tergesa-gesa perbaiki hubungan dengan Malaysia'

UM 2 1 OCT 2003

BANGKOK 20 Okt. — Perdana Menteri Australia, John Howard berkata, beliau tidak akan tergesa-gesa untuk memperbaiki hubungan dengan Malaysia selepas persaraan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akhir bulan ini.

"Mengenai perhubungan kami dengan Malaysia selepas Dr. Mahathir berundur, saya tidak menjangka perubahan besar dalam jangka pendek," kata Howard kepada pemberita pada Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini.

"Saya tidak akan dilihat mengetuk pintu mereka pada hari selepas berlakunya perubahan Perdana Menteri," katanya.

Howard mengalu-alukan pengganti Dr. Mahathir, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tetapi menyatakan beliau tidak menjangkakan

perubahan sikap yang mendadak daripada Kuala Lumpur.

"Saya mengenali beliau dengan agak baik, tetapi saya tidak menjangka sebarang perubahan dramatik di peringkat atasan dan saya tidak akan bertindak seolah-olah saya menjangkakan-nya. Tetapi lama kelamaan, perubahan mungkin berlaku," kata Howard.

Minggu lepas, Dr. Mahathir menegaskan bahawa Australia akan diperlakukan seperti negara pengganas jika ia cuba bertindak sebagai sherif di rantau ini bagi pihak AS.

Sementara itu, Howard menyangkal kenyataan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong semalam bahawa Australia perlu mempunyai sekurang-kurangnya 50 peratus penduduk bukan kulit putih sebelum boleh dianggap sebagai negara Asia. — AFP